

6 JUN 2017

Kerjasama tangani masalah dadah**HARIAN METRO****Kerjasama tangani masalah dadah**

Kota Bharu: Kerajaan negeri Kelantan semalam melahirkan persetujuan untuk bersama-sama kerajaan Persekutuan dalam menangani masalah dadah terutama membabitkan pil kuda di negeri ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, hasil perbincangan yang diadakan bersama Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob di pejabatnya di Kompleks Kota Darul Naim di sini, merumuskan tiga perkara utama yang diyakini boleh membantu mengurangkan masalah berkaitan dadah di negeri ini.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pihaknya akan menggunakan pendekatan Inabah (agama) di mana kerajaan negeri sudah bersetuju menyediakan sebuah pusat pemulihan (bagi penagih dadah) dan ia adalah program bersama antara kerajaan negeri serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

"Kita yakin menerusi kaedah ini (pendekatan agama) akan membantu program pemulihan ini mencapai tahap optimum," katanya selepas mengadakan pertemuan secara tertutup di sini, semalam.

Pertemuan kira-kira satu jam itu turut dihadiri Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan (MTPNK) merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri Datuk Dr Fadzli Hassan dan Pemangku Ketua Polis Kelantan SAC Din Ahmad.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, kerajaan negeri juga turut bersetuju untuk turut serta bagi pemulihan banduan di Penjara Pengkalan Chepa di sini, menerusi kaedah dan pendekatan yang sama.